

23/11/1998

Al Gore: Pemuda BN jangka terima 30,000 borang lagi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) menjangka akan menerima lebih 30,000 lagi borang tandatangan sokongan membantah kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, yang menyokong gerakan reformasi di negara ini.

Pegawai Khas kepada Pemangku Ketua Pemuda Umno, Norzain Abdul Wahab, berkata borang itu diedarkan melalui wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan penduduk dan syarikat swasta.

Menurutnya, kebanyakan mereka datang sendiri ke kaunter khas dan meminta agar mereka diberikan borang sokongan tandatangan untuk diedarkan kepada ahli persatuan atau pertubuhan masing-masing.

"Tindakan mereka ini amat dialu-alukan dan memudahkan orang ramai untuk menyatakan sokongan kerana mereka tidak perlu datang sendiri ke kaunter khas yang disediakan di aras dua Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini,

"Borang yang diedarkan ini akan mula diterima esok secara berperingkat dan berharap sasaran kempen untuk mendapat satu juta tandatangan dan panggilan telefon akan tercapai," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Difahamkan semua bantahan dan tandatangan dikumpul itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain melalui borang, talian 24 jam yang disediakan oleh Pergerakan Pemuda BN sejak Rabu lalu juga terus mendapat sambutan dan sehingga kini lebih 3,000 panggilan diterima dengan purata lebih 1,000 panggilan sehari, selain 200 bantahan melalui faks.

Bagaimanapun, individu, pertubuhan atau sektor swasta yang berminat untuk membantu secara sukarela mengedarkan borang sokongan boleh berbuat demikian dengan datang sendiri ke kaunter yang disediakan.

Beliau berkata, pihaknya turut menambah lagi lima talian telefon semalam menjadikannya jumlah 10 talian bagi menampung jumlah panggilan yang diterima setiap hari.

Pada masa sama, kaunter khas Pemuda BN yang dibuka sehingga jam 12 malam di aras empat PWTC pula sudah mengumpul lebih 3,000 nama dan tandatangan orang ramai yang membuat bantahan.

Semua bantahan dan tandatangan itu akan dikumpul untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, sebuah iklan dalam akhbar Berita Harian dan New Straits Times (NST) yang menyediakan talian untuk rakyat Malaysia meluahkan perasaan marah terhadap Gore terus mendapat sokongan.

Bilangan mereka yang sudah mendaftar semakin bertambah dan sehingga kini sudah mencecah seramai 3,940 orang dan sokongan masih boleh terus diberikan dengan menghubungi dua talian hot-line iaitu 03- 2025615 dan 03-2018635.

Dalam perkembangan lain, orang ramai mengambil kesempatan cuti hujung minggu untuk mendaftar nama dan menurunkan tandatangan masing-masing sempena kempen itu.

Antara tokoh turut berbuat demikian hari ini ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Beliau yang menghadiri satu majlis di PWTC meminta rakyat Malaysia jangan menggadaikan kedaulatan dan maruah negara dengan menganggotai reformasi.

Seorang kakitangan kerajaan, Mohd Nor Mohd Said, berkata berkata beliau

tidak mahu ketinggalan mengutuk Naib Presiden AS, Al Gore kerana kenyataannya melampau dan keterlaluan.

"Malaysia negara merdeka dan berdaulat. Bangsa asing jangan cuba menjajah atau mengarahkan apa yang perlu dilakukan," katanya.

Lim Fong Boon yang turut menyatakan sokong berkata, Gore perlu menasihatkan Presiden Bill Clinton berhubung kes Monica Lewinsky, bukan mencampuri urusan pentadbiran Malaysia.

"Amerika perlu menilai diri. Apakah pemimpin mereka mempunyai nilai moral dan hak asasi," katanya.

Pekerja swasta, Chan Au Chong, 22, pula menyokong penuh langkah mendapatkan tandatangan orang ramai sebagai bukti rakyat masih setia dan cinta kepada negara.

Beliau berkata kempen mendapat sokongan itu perlu diperluas bagi memberi kesempatan orang ramai menyatakan perasaan dan sokongan dalam pelbagai bentuk.

(END)